

MAHATHIR-ISA
(I)

1982

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA TIDAK AKAN MEMBUAT BANTAHAN RASMI TERHADAP KERAJAN BELANDA BERHUBUNG DENGAN KENYATAAN PERDANA MENTERINYA, ENCIK ANDREAS VAN AGT YANG MENKRITIK AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI MALAYSIA.

+BAGI SAYA, SAYA TIDAK MENGHIRAUKANNYA,+ KATANYA KETIKA MENGULAS LAPORAN AGENSI BERITA ASING YANG MEMETIK ENCIK VAN AGT SEEBAGAI BERKATA BAHAWA LANGKAH PIHAK PERUNDANGAN MALAYSIA ITU PADA ASASNYA BERCANGGAH DENGAN KEBIASAAN ANTARABANGSA.

BERCAKAP SEBAGAI MENTERI LUAR KEPADA SURUHANJAYA PARLIMEN MENGENAI HAK-HAK ASASI MANUSIA, PEMIMPIN BELANDA ITU DIPETIK SEBAGAI BERKATA YANG BELIAU TURUT SAMA PIHAK+ AMNESTY INTERNATIO-NAL+ MERASA BIMBANG TERHADAP BANYAKNYA BILANGAN MEREKA YANG DIHUKUM MATI DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT TIDAK ADA GUNANYA BAGI MALAYSIA MEMBUT SEBARANG JAWAPAN RASMI KEPADA TUDUHAN ITU KERANA +APA YANG TELAH SAYA KATAKAN ADALAH MENCUKUPI.+

+APA PERLUNYA SAYA MENJAWAB, SAYA TELAH MEMBUAT KENYATAAN BANTAHAN YANG JELAS DALAM UCAPAN DASAR SAYA KEPADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO,+ KATANYA. --LAGI 1332/OM

B583:

MAHATHIR-ISA 2 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPANNYA ITU, PERDANA MENTERI MENYERU KERAJAAN BELANDA MEMERIKSA SEMULA TINDAKAN MEREKA DALAM MASA PEMERINTAHAN HINDIA TIMUR BELANDA SEBELUM BERLAGAK SEBAGAI ORANG YANG MEMPUNYAI SUARA HATI.

SEMENTARA ITU MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE BERKATA BELIAU MASIH LAGI TIDAK DAPAT MEMAHAMI APA YANG MENDORONG ENCIK VAN AGT MEMBUAT KENYATAANNYA ITU.

+PALING KURANG YANG SAYA KATAKAN, ITU ADALAH SATU PERBUATAN BODOH,+ KATA BELIAU.

TAN SRI GHAZALI BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBAYANGKAN KENAPA KENYATAANN YANG MEROSAKKAN SEPERTI ITU HARUS DIBUAT SEDANGKAN MALAYSIA TIDAK PERNAH MENGAMBIL LANGKAH YANG MENJEJASKAN HUBUNGAN BAIK ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

+IA MEMBINGUNGKAN SAYA TUTAMANYA KERANA BELIAU BERSIKAP AMAT MESRA TERHADAP KITA KETIKA BELIAU MELAWAT NEGARA INI SEBELUM INI,+ KATA BELIAU. --BERNAMA 1536/OM